

→ TN50

Bantu rakan atlet rancang masa depan

Sharon Wee dipilih jadi Duta Belia TN50, mahu ahli sukan peka penampilan diri

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengalaman sebagai atlet kebangsaan dan seterusnya berjaya sebagai usahawan dimanfaatkan sepenuhnya, bekas pemain skuasy, Sharon Wee bagi membantu rakan atlet untuk lebih maju ke depan apabila tidak lagi bergelar ahli sukan.

Dipilih sebagai Duta Belia Transformasi Nasional 2050 (TN50) mewakili kategori sukan,

Sharon berterima kasih atas kepercayaan Menteri Belia dan Sukan, Khairi Jamaluddin yang memilih beliau.

"Saya ingin membantu atlet untuk mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan persediaan menghadapi cabaran baharu.

Boleh berdepan kemurungan
"Tanpa perancangan masa depan yang rapi, atlet mungkin berdepan masalah kemurungan kerana tidak mempunyai kerjaya yang baik dan tidak mampu menghadapi cabaran dalam suasana baruah selepas bersara sebagai atlet," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Damansara.

Ditanya berhubung pemilihannya sebagai duta, Sharon berkata, dia dipilih berdasarkan latar belakangnya sebelum ini daripada atlit negara seterusnya mempunyai akademi skuasy, pengacara rancangan sukan dan pengarah syarikat.

Info



Sharon Wee

→ **Kerjaya:** Pengarah Sport Warrior Global
 - Pengasas dan ketua jurulatih Sharon Wee Squash Pro Academy
 - Pengacara TV
 - Bekas pemain skuasy elit negara
 → **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Universiti Putra Malaysia

Sharon yang juga menjadi mentor kepada pemain skuasy kebangsaan negeri banyak terbabit dengan universiti dalam membantu atlit dari segi kejurutarian dan motivasi.

Katanya, sebagai duta TN50, beliau meletakkan tiga perkara yang perlu diberi perhatian.

Perkara pertama adalah untuk terus mempromosikan sukan sebagai gaya hidup sihat dan sukan membina karakter masyarakat Malaysia manakala perkara kedua, menerusi TN50, pencapaian seseorang atlet tidak hanya bergantung kepada medal semata-mata tetapi pada ketrampilan diri, intelektual, komunikasi.

"Pada masa akan datang, seseorang atlet itu tidak hanya dilihat pada kejayaan memenangi pingat emas tetapi amat penting bagi seseorang atlet itu penampilan diri mereka secara keseluruhan.

"Seseorang atlet itu perlu berketrampilan, bijak berkomunikasi, intelektual, berpengetahuan dan

mempunyai pelajaran. Dengan aspek yang ada ini seseorang atlet itu akan dipandang tinggi dan ini menjadi impian saya," katanya.

Persediaan untuk atlit

Disebabkan faktor itulah beliau membangunkan syarikatnya 'Sport Warrior Global' kerana mahu membantu membangunkan atlet menerusi ceramah, bengkel berkomunikasi dan kem bina semangat.

Sharon berkata, dengan adanya faktor berkenaan, seorang atlet itu mampu memberi jawapan yang bernas apabila ditemubual.

Katanya, beliau mahu ramai atlet yang mampu memberikan jawapan yang baik seperti jaguh berbasikal negara, Azizul Hasni Awang dan pemain skuasy negara, Nicol Ann David.

Perkara ketiga adalah memperkasakan wanita dalam apa sahaja bidang berkaitan sukan seperti perubatan, sukan dan apa saja yang berkaitan.